



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545
Faks : 603-8889 5542
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA

Bagi Minggu 42/2012 (14 hingga 20 Oktober 2012)

Pada minggu ke 42, iaitu dari 14 hingga 20 Oktober 2012, sejumlah 391 kes telah dilaporkan berbanding 337 kes pada minggu sebelumnya (*Lampiran A*). Sebanyak lapan (8) negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Selangor meningkat sebanyak 21 kes (19%), Sabah 17 kes (189%), Sarawak 17 kes (41%), Negeri Sembilan 7 kes (117%), Johor 4 kes (16%), Kedah 3 kes (43%), Pahang 1 kes (9%) dan WP Kuala Lumpur & Putrajaya meningkat sebanyak 1 kes (4%). Kumulatif kes Demam Denggi yang dilaporkan dari Januari sehingga 20 Oktober 2012 adalah 17,457 kes, berbanding 15,745 kes bagi tempoh yang sama tahun 2011, iaitu peningkatan sebanyak 11% (1,712 kes) manakala jumlah kumulatif kes kematian Denggi adalah sebanyak 27 kes, bersamaan dengan 27 kes untuk tempoh yang sama pada tahun 2011.

Sarawak kini sedang mengalami wabak di 10 lokaliti, melibatkan 5 daerah dan salah satu lokaliti merupakan lokaliti *hotspots* iaitu Rumah Patsy Selah di daerah Meradong, Sarikei, Sarawak yang melaporkan 10 kes Demam Denggi dan hasil pemeriksaan pembiakan Aedes mendapati kadar pembiakan Aedes yang tinggi iaitu 9.7% (*Lampiran B*). Dari Januari hingga sehingga kini sejumlah 229 kompaun telah

dikeluarkan di seluruh negeri Sarawak dengan nilai RM111,750. Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Sambutan Hari Denggi Asean peringkat Negeri Sarawak pada 27 Oktober 2012 bertempat di bandar Sarikei yang akan dirasmikan oleh Menteri Muda Kesihatan Awam Sarawak YB Dr Jerip Susil. Aktiviti-aktiviti seperti ceramah, kuiz, bual bicara COMBI serta pameran Denggi akan diadakan pada program tersebut. Ini diharap dapat memberi kesedaran yang lebih tinggi kepada masyarakat setempat di samping menggalakkan masyarakat supaya peka terhadap isu Denggi.

Perak juga telah menunjukkan peningkatan kes Demam Denggi di mana, jumlah terkumpul kes Denggi adalah 1,403 kes dengan 5 kematian berbanding 1,023 kes dengan 2 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2011, iaitu meningkat sebanyak 37% (380 kes). Terdapat 3 lokaliti berwabak di daerah Kinta dan salah satu daripadanya merupakan lokaliti wabak tidak terkawal iaitu di Taman Meru 2B, Kinta, Perak yang mengalami wabak selama 23 hari, Lapan (8) kes telah dilaporkan dan hasil pemeriksaan pembiakan Aedes mendapati bahawa kadar pembiakan Aedes yang dikesan amat tinggi iaitu 14.3%. Jabatan Kesihatan Negeri Perak telah bertindak tegas dengan mengeluarkan empat kompaun bernilai RM500 setiap satu terhadap pemilik kediaman di Taman Meru 2B atas kesalahan pembiakan jentik-jentik Aedes. Dari Januari sehingga kini sejumlah 1,389 kompaun telah dikeluarkan diseluruh negeri Perak berjumlah RM656,400. Satu operasi bersepadu peringkat negeri Perak akan dilaksanakan bagi memastikan Penyakit Demam Denggi dapat dibendung dengan segera.

Penyakit Demam Denggi tidak boleh diambil mudah kerana ia boleh menjadi jangkitan yang membawa maut kepada penghidapnya.

“Tidak Peduli, Maut Menanti”

DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

25 Oktober 2012

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 42/2012
(14 hingga 20 Oktober 2012)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 42/2012	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 42/2011
		Minggu 42 (14 – 20 OKtober 2012)	Minggu 41 (7 – 13 OKtober 2012)		
1	Perlis	2	3	144	90
2	Kedah	10	7	671 (3)	374
3	P. Pinang	11	12	632 (1)	1,384 (3)
4	Perak	38	40	1,403 (5)	1,023 (2)
5	Selangor	133	112	7,356 (11)	6,039 (7)
6	WPKL & Putrajaya	24	23	1,500 (3)	1,567 (2)
7	N. Sembilan	13	6	426 (1)	621 (3)
8	Melaka	2	6	388	330
9	Johor	29	25	1,321 (1)	1,318 (5)
10	Pahang	12	11	520 (1)	740 (1)
11	Terengganu	9	10	638	533 (1)
12	Kelantan	23	31	986	590 (1)
13	Sarawak	59	42	1,018	786
14	Sabah	26	9	445 (1)	341 (2)
15	WP Labuan	0	0	9	9
	MALAYSIA	391	337	17,457 (27)	15,745 (27)

Nota: () Kematian

Lampiran B

**SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 42 BAGI
TAHUN 2012 (14 - 20 OKTOBER 2012)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	Sarawak	Meradong	RH Patsy Selah	10	33